



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 30/2022

“**ALERT**”: Seramai 185 orang kanak-kanak GENIUS Seni terlibat dalam Konsert GENIUS Seni 2022 yang merupakan manifestasi persembahan oleh GENIUS Seni Koir, GENIUS Seni Muzik dan GENIUS Seni Tari dalam mengimbuai perjalanan GENIUS Seni selama sedekad semenjak diperkenalkan pada tahun 2010.

SEDEKAD DEMINSI KECEMERLANGAN GENIUS SENI

KUALA LUMPUR, 16 Disember 2022 – Bahagian Genius Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Pesona Seni Kuala Lumpur menganjurkan Konsert GENIUS Seni pukul 8.30 malam bertempat di Auditorium Perdana Angkasapuri RTM Kuala Lumpur. Konsert yang diadakan pada 16 & 17 Disember 2022 selama dua jam menggabungkan tiga segmen iaitu Langkah Gemalai, Gerak Bertingkah dan Sentuhan Berdendang yang diadun dalam bentuk nyanyian, tarian dan lakonan pastinya mengamit para penonton.

Konsert GENIUS Seni bertujuan bagi mengangkat karya GENIUS Seni dalam sebuah persembahan seni ‘*versatil*’ selain memperlihatkan prestasi sedekad pencapaian cemerlang GENIUS Seni sebagai tanda aras seni bermutu tinggi dan juga sebagai wadah pementasan bagi menghargai penglibatan peserta GENIUS Seni dalam mengangkat martabat seni budaya bangsa.

Bersempena Konsert GENIUS Seni pada tahun ini, seramai 185 peserta melibatkan Genius Seni Tari, Genius Seni Koir dan Genius Seni Muzik bergabung dalam Konsert GENIUS Seni dengan berkonsepkan pementasan muzikal yang mana konsert ini digarap dengan unsur penceritaan oleh seorang Atok kepada tiga orang remaja iaitu Puteri, Izzul dan Mia. Penceritaan berkisar tentang pengalaman

Atok semasa muda dan secara tidak langsung beliau adalah penggiat seni budaya terutama dalam bidang seni bela diri. Tertarik dengan kisah yang diceritakan oleh Atok akhirnya timbul kesedaran dan minat dalam diri mereka untuk mempelajari dengan lebih mendalam. Pementasan digarap dengan mengabungkan ketiga-tiga elemen seni iaitu muzik, tari dan koir.

Program GENIUS Seni merupakan satu program asuhan dan bimbingan bagi melatih anak-anak yang berbakat dalam bidang seni koir, muzik dan tari. Program GENIUS Seni meliputi 3 bidang iaitu Koir, Muzik dan Tari. Setiap bidang terbahagi kepada dua kategori iaitu GENIUS Seni untuk peserta berumur 6- 12 tahun dan GENIUS Seni Remaja untuk peserta berumur 13-18 tahun.

“Melalui konsert ini ia membuktikan genius seni terserlah dalam kalangan generasi muda kita dan sekaligus menentukan bahawa bakat seni dan kehebatan muzik terus menjadi kebanggaan dan membawa kemasyhuran melalui kecemerlangan budaya.”. kata Tuan Haji Mesran bin Mohd Yusop, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
--	---

PENGISIAN KONSERT

Persembahan Pembukaan

Medley Mek Mulung & Silat – Gabungan Semua GENIUS

Segmen 1 -Langkah Gemalai

- i. Aslinang Peluang Kedua - GST
- ii. *Medley* Klasik (Arr. Azhad Sulaiman) - *featuring* GSM dan GST
- iii. Somsomido - GSK
- iv. Inang Senang Lenang- GST
- v. Kain Pelikat - GSK
- vi. Rancak Bertandak - GST

Segmen 2 - Gerak Bertingkah

- i. *Concerto For Two Violins in D Minor* (J.S Bach)-GSM
- ii. Masrinang Tiba-Tiba SAYUNK- GST
- iii. Les Tringles Des Sistres Tintaient- GSK
- iv. Gandi Baat - GST
- v. Meili De Lusan - GST
- vi. Furaha (Joy!) - GSK

Segmen 3 - Sentuhan Berdendang

- i. Disney - (Arr. Isaac Chia) -GSM
- ii. *Into The Woods* (Arr. Isaac Chia) - GSM dan GSK
- iii. *Police Entry* - GST
- iv. *Sound of Music* - GSM
- v. *Dynamite* - GSK
- vi. Dikir Kelentang Kelentung - GST
- vii. Joget Muda-Mudi - GST
- viii. Indigo - GSK & GST
- ix. *Permission To Dance* - (Arr. Azhad Sulaiman) GST dan GSM

Finale

Persembahan Gabungan GENIUS Seni

GSK :Genius Seni Koir

GSM :Genius Seni Muzik

GST :Genius Seni Tari